

# **Mkitchen® UIAM Penggerak Asnaf Sejahtera Lestari**

Abdul Rahman bin Ahmad Dahlan  
Majdan bin Alias  
Jamaludin bin Ibrahim  
Rahmah bt Ahmad H. Osman  
Suhaimi bin Mhd. Sarif  
Ghazali bin Jaapar  
Saupi bin Man  
Dzuljastri bin Abdul Razak  
Noor Azian bt Mohd Ali  
Normaziah bt Abdul Aziz  
Noor Azizah bt Mohamad Ali  
Nurhafizah bt Mahri  
Amelia Ritahani bt Ismail  
Andi Fitriah bt Abdul Kadir  
Hafizah bt Mansor  
Rizal bin Mohd Nor

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

# **Mkitchen® UIAM Penggerak Asnaf Sejahtera Lestari**

Abdul Rahman bin Ahmad Dahlan KICT IIUM (arad@iium.edu.my)  
Majdan bin Alias KIRKHS IIUM (majdan@iium.edu.my)  
Jamaludin bin Ibrahim KICT IIUM (jamaludinibrahim@iium.edu.my)  
Rahmah bt Ahmad H. Osman KIRKHS IIUM (rahmahao@iium.edu.my)  
Suhaimi bin Mhd. Sarif KENMS IIUM (suhaimims@iium.edu.my)  
Ghazali bin Jaapar AIKOL IIUM (ghazali@iium.edu.my)  
Saupi bin Man KIRKHS IIUM (msaupi@iium.edu.my)  
Dzuljastri bin Abdul Razak KENMS IIUM (dzuljastri@iium.edu.my)  
Noor Azian bt Mohd Ali KICT IIUM (noorazian@iium.edu.my)  
Normaziah bt Abdul Aziz KICT IIUM (naa@iium.edu.my)  
Noor Azizah bt Mohamad Ali KICT IIUM (nazizah@iium.edu.my)  
Nurhafizah bt Mahri KICT IIUM (nurhafizahm@iium.edu.my)  
Amelia Ritahani bt Ismail KICT IIUM (amelia@iium.edu.my)  
Andi Fitriah bt Abdul Kadir KICT IIUM (andifitriah@iium.edu.my)  
Hafizah bt Mansor KICT IIUM (hafizahmansor@iium.edu.my)  
Rizal bin Mohd Nor KICT IIUM (rizalmohdnor@iium.edu.my)

## **Terbitan Pertama 2021**

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian dan kandungan buku ini dalam apa-apa bentuk cara sekalipun, sama ada secara elektronik, mekanikal, rakaman atau cara-cara lain tanpa izin bertulis daripada penulis.

Penulis berusaha sedaya upaya memastikan buku yang diterbitkan ini mengandungi maklumat yang tepat dan berautoriti dari segi subjek yang dibincangkan. Penerbit dan penulis buku ini tidak boleh dianggap memberikan khidmat perundangan, perakaunan atau khidmat professional yang lain kepada pembaca.

Perpustakaan Negara Malaysia  
(PDP)

Pengkalogan dalam Penerbitan

Abdul Rahman Ahmad Dahlan

Mkitchen® UIAM Penggerak Asnaf Sejahtera Lestari / Abdul Rahman bin Ahmad Dahlan, Majdan bin Alias, Jamaludin bin Ibrahim, Rahmah binti Ahmad H. Osman, Suhaimi bin Mhd Sarif, Ghazali bin Jaapar, Saapi bin Man, Dzuljastri bin Abdul Razak, Noor Azian binti Mohd Ali, Normaziah binti Abdul Aziz, Noor Azizah binti Mohamad Ali, Nurhafizah binti Mahri, Amelia Ritahani binti Ismail, Andi Fitriah binti Abdul Kadir, Hafizah binti Mansor, Rizal bin Mohd Nor. ISBN

**978-967-19814-2-9**

1. Social service--Malaysia--Gombak (Selangor).
  2. Community and college--Malaysia--Gombak (Selangor).
  3. Academic-industrial collaboration--Malaysia--Gombak (Selangor).
  4. Education, Higher--Activity Programs--Malaysia--Gombak (Selangor).
- I. Amelia Ritahani Ismail. II. Dzuljastri Abdul Razak.  
III. Majdan Alias. IV. Jamaludin Ibrahim.  
V. Rizal Mohd. Nor. VI. Hafizah Mansor.  
VII. Andi Fitriah Abdul Kadir. VIII. Nurhafizah Mahri.  
IX. Noor Azizah Mohamad Ali. X. Normaziah Abdul Aziz.  
XI. Noor Azian Mohd Ali. XII. Saapi Man.  
XIII. Ghazali Jaapar. XIV. Suhaimi Mhd. Sarif.  
XV. Rahmah Ahmad H. Osman. XVI. Judul.

**ISBN 978-967-19814-2-9**

Diterbit oleh MESO PUBLISHING, Gombak. 31 Ogos 2021

## Pengantar

Buku ini membentangkan naratif dan pengalaman rintis projek usaha sama dengan masyarakat melalui kerjasama pintar atau *ta’awun* melalui projek Mkitchen® UIAM. Rakan strategik projek ialah Masjid Al-Syakirin Gombak (MASG).

Projek ini dilaksanakan kerana pihak mKitchen berasa bertanggungjawab dalam menyahut hasrat kerajaan dan badan Kesatuan Dunia (*United Nations*) dalam mengikuti misi Agenda Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) dan gagasan “Keluarga Malaysia” untuk para masyarakat sivil bangkit membantu golongan miskin dan tidak berupaya dalam menghapuskan kemiskinan dalam ummah, apatah lagi tatkala krisis wabak Covid-19 sedang hebat melanda negara ketika kini.

Projek ini akan menjual makanan kepada orang awam untuk mengumpulkan dana ke tabung infaq projek, merekrut golongan asnaf sebagai pekerja dalam aktiviti berkaitan memasak dalam projek tersebut sebagai peluang pekerjaan untuk mereka dan akhir sekali melatih para asnaf sebagai usahawan makanan di masa depan agar mereka mampu keluar daripada kekal menjadi golongan penerima bantuan kepada pemberi bantuan, selari dengan hasrat mana-mana badan zakat negeri iaitu ‘daripada penerima zakat kepada pemberi zakat’.

KOD KLASIFIKASI JEL: M13 dan M15

Kata Kunci: Ta’awun, Kerjasama Pintar, Jaringan Masyarakat

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKASURAT</b>
PERTAMA	PENGENALAN	6-12
KEDUA	MAKLUMAT UTAMA PROJEK	13-17
KETIGA	RINGKASAN PROJEK	18-22
KEEMPAT	PENANDA PERKEMBANGAN PROJEK	23-26
KELIMA	KOS PERBELANJAAN PROJEK	27-28
KEENAM	JANGKAAN SASRAN HASIL (OUTPUT) DAN KEBERHASILAN (OUTCOME)	29-30
KETUJUH	HASIL RINTIS PROJEK	31-53
PENUTUP		54
RUJUKAN		55

## **BAB PERTAMA**

### **PENGENALAN**

Mkitchen memudahcara masyarakat bagi memberi khidmat makanan harian percuma, peluang pekerjaan kekal dan latihan keusahawanan makanan untuk para golongan asnaf (fakir dan miskin). Projek rintis di kariah Masjid As-Syakirin Gombak (MASG), dan kemudian dikembangkan ke Masjid Zakaria Gombak Utara (MGU), dan para pelajar asnaf dari Masjid Sultan Haji Ahmad Shah (SHAS), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Projek ini dilaksanakan kerana pihak mKitchen berasa bertanggungjawab dalam menyahut hasrat kerajaan dan badan Kesatuan Dunia (*United Nations*) dalam mengikuti misi Agenda Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) untuk para masyarakat sivil bangkit membantu golongan miskin dan tidak berupaya dalam menghapuskan kemiskinan dalam ummah, apatah lagi tatkala krisis wabak Covid-19 sedang hebat melanda negara ketika kini.

Hasrat Kerajaan Malaysia untuk membasmi kemiskinan, mewujudkan pekerjaan kepada semua peringkat masyarakat dan memperkasakan keusahawanan sudah wujud sejak pembentukan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1956. Sebelum dari itu, Kerajaan British juga sudah menyediakan struktur sama. Ia sejajar dengan fasa-fasa industri dunia dari Revolusi Industri 1.0 sehingga 5.0. Jadual 1 menyenaraikan fasa-fasa industri

yang berjajar dengan fasa-fasa industri di Malaysia berserta rancangan-rancangan ekonominya.

#### JADUAL 1

<b>Fasa-Fasa Industri peringkat dunia</b>	<b>Fase-Fasa Industri peringkat Malaysia</b>	<b>Rancang-Rancangan Ekonomi Malaysia</b>
Revolusi Industri 1.0 (Abad ke-17) (Mekanikal dan kuasa wap power) (1784)	Eksport Galian (1784-1869)	Sistem Ekonomi British
Revolusi Industri 2.0 (Abad ke-18) (pengeluaran besar dan tenaga elektrik) (1870)	Eksport Pertanian (1870-1949) Industri Gantian Import (1950-1960)	Sistem Ekonomi British Rancangan Malaya Pertama (1956-1960)
	Industri berasaskan Buruh Rendah (1961-1968)	Rancangan Malaya Kedua (1961-1965)
		Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970)
Revolusi Industri 3.0 (Abad ke-20) (Automasi, pengkomputeran, and elektronik) (1969)	Industri berasaskan Buruh Sederhana (1969-1980) Industri berasaskan Modal (1981-1995) Industri berasaskan Ekonomi Pengetahuan (1996-2007)	<b>Dasar Ekonomi Baru (DEB) (1970)</b> Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) <b>Dasar Industri Negara (1986)</b> Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990)  <b>Dasar Pembangunan Negara (1991-2000)</b> Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995)

Industri bersepadu berasaskan Ekonomi Pengetahuan (2008-2010)	Rancangan Malaysia ketujuh (1996-2000)  <b>Dasar Wawasan Negara (1991-2020)</b> Wawasan 2020 (1991-2020)
	Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005)
	Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)
Revolusi Industri 4.0 (Abad ke-21) (Pendigitalan, sistem fizikal siber, Internet benda, dan jaringan) (2010)	Industri berasaskan Ekonomi Digital (2010-2020)  <b>Model Ekonomi Baru (NEM) (2011-2020)</b>  <b>Dasar Transformasi Negara</b>
	Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015)
	Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020)
Industri berasaskan Ekonomi Sosial (2021)	  <b>Dasar Wawasan Kemakmuran Bersama (2021-2030)</b>
	Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19

Revolusi Industri 5.0 (Penyesuaian Massa & Bijak Manusia di Tempat Siber, Sistem Kognitif) (2020)	Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) (RM250 billion)
	Pakej PKS Tambahan PRIHATIN (RM10 billion)
	Rancangan Pemulihan Ekonomi (PENJANA) (RM35 billion)
	Pakej Inisiatif Tambahan PRIHATIN (KITA PRIHATIN) (RM10 billion)
	Rancangan Malaysia Ke Duabelas (RMK12) Malaysia Plan (2021-2025)
	Rancangan Malaysia Ke Tiga Belas (RMK13) (2026-2030)

Rancangan-rancangan ekonomi berserta dasar-dasar ekonomi yang digubal oleh kerajaan bersifat objektif, bersasar, bertempoh dan berstruktur sesuai dengan sistem pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan awam (Spinanger, 1984; Jomo, 1990; Ali, 1992; Rasiah, 1995; Samad, 1998; Drabble, 2000; Gomez, 2003). Sistem yang berstruktur lebih menyakinkan para pelabur untuk melabur dalam kegiatan ekonomi yang boleh menyediakan banyak peluang pekerjaan untuk setiap lapisan rakyat agar tiada yang menganggur, kelaparan dan tidak dapat memenuhi keperluan asas.

mKitchen menyesuaikan pelaksanaan projek ini berjajar dengan konteks socio-ekonomi dan budaya masyarakat Malaysia. Secara kasarnya, bentuk operasi projek mKitchen adalah empat iaitu dengan menyediakan makanan percuma kepada golongan asnaf. Projek rintisnya adalah pada jarak pada jajaran di sekitar tiga masjid berhampiran kampus Induk Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Gombak iaitu Masjid Al-Syakirin Jalan Gombak sebagai teraju dapur dan tenaga sukarelawan. Kemudiannya berganding dengan Masjid Gombak Utara dan Masjid Sultan Haji Ahmad Shah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Gombak.

Projek ini akan menjual makanan kepada orang awam untuk mengumpulkan dana ke tabung infaq projek, merekrut golongan asnaf sebagai pekerja dalam aktiviti berkaitan memasak dalam projek tersebut sebagai peluang pekerjaan untuk mereka dan akhir sekali melatih para asnaf sebagai usahawan makanan di masa depan agar mereka mampu keluar daripada kekal menjadi golongan penerima bantuan kepada pemberi bantuan, selari dengan hasrat mana-mana badan zakat negeri iaitu ‘daripada penerima zakat kepada pemberi zakat’.

Operasi melaksanakan projek ini adalah berasaskan prinsip *ta’awun* dan kerjasama pintar (*smart partnership*) antara ketiga-tiga kariah ini. Jawatankuasa projek telah ditubuhkan sebelum ini dalam mengenal pasti para asnaf, termasuk para pelajar asnaf di UIAM yang sedia ada iaitu seramai 1000 orang yang telah disenaraikan. Daripada jumlah tersebut, 100 daripada asnaf-asnaf ini telah mendapat manfaat daripada projek mKitchen. Jumlah yang sedikit kecil itu adalah disebabkan oleh kekurangan dana yang pihak mKitchen dapatkan setakat ini.

Walaupun projek ini sudah mengenalpasti 1000 orang asnaf yang sangat memerlukan makanan secara berterusan dan bukan bersifat mingguan atau bulanan, tetapi pihak pengangur tidak dapat menjana dana yang cukup.

Pihak mKitchen amat berharap agar pihak berkuasa, badan amal, dan khalayak dapat membantu projek ini terutamanya melalui sokongan dana sama ada dalam bentuk zakat, sedekah, infaq, dan sumbangan tunai demi kelangsungan projek yang sudah beroperasi yang sudah beroperasi hampir 9 bulan ini. Setakat ini projek ini sudah menjana lebih 6,000 bungkusan makanan segar, sihat lagi berkhasiat secara percuma yang boleh terus dimakan kepada golongan masyarakat dan pelajar asnaf.

Pihak mKitchen amat mengharapkan kerjasama dari pihak berkuasa, badan amal, dan khalayak bagi merancakkan lagi aktiviti projek mKitchen untuk kebaikan ummah, selari dengan firman Allah SWT, “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).” (Surah al-Ma’idah, ayat 2).

Projek beri makanan percuma ini merupakan projek sejagat yang digubalkan dalam bentuk 17 Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals). Rajah 1 menunjukkan 17 Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals).



Sumber: United Nations. (2015). *Sustainable Development Goals*. New York: United Nations

Projek mKitchen memfokuskan kepada lima daripada 17 Matlamat

Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*).

- 1) SDG 1: Hapus Kemiskinan (no poverty)
- 2) SDG 2: Sifar Kebuluran (zero hunger)
- 3) SDG 4: Kualiti Pendidikan (quality education)
- 4) SDG 8: Kualiti Kerja dan Pembangunan Ekonomi (good jobs and economic growth)
- 5) SDG 12: Penggunaan dan Produksi Berhemah (responsible consumption and production)

## **BAB KEDUA**

### **MAKLUMAT UTAMA PROJEK**

Objektif utama mKitchen adalah untuk menyediakan peluang pekerjaan dan mendidik serta melahirkan usahawan yang mampu berdikari di masa depan dalam kalangan komuniti di sekitar masjid dengan mentransformasikan dapur-dapur masjid (m-Kitchen) kepada sumber:

- (a) peluang pekerjaan, pemerkasaan dan keusahawanan (3E) untuk golongan B40 dalam industri makanan dan perniagaan penghantaran makanan (SDG1, SDG4 & SDG8),
- (b) sup amal (*soup kitchen*) dan makanan percuma untuk komuniti B40 (SDG 2) yang disediakan oleh tukang masak B40, dan
- (c) penghasilan pendapatan untuk masjid melalui sewaan kemudahan-kemudahan dapur sebagai sumber kelestarian projek m-Kitchen (SDG12).

#### **Sasaran Utama Asnaf Miskin**

Siapakah Asnaf Miskin? Lembaga Zakat Selangor mendefinisikan asnaf miskin berpandukan kepada ukuran kemiskinan atau dikenali sebagai “had kifayah.” Sebagai contoh Encik Siraj dan isterinya menyewa sebuah rumah di Kampung Kerdas Gombak dan bekerja sebagai pembantu kedai. Beliau mendapat gaji bersih RM1,200 sebulan. Isterinya tidak bekerja dan mereka ada dua anak di

sekolah menengah dan dua lagi belum bersekolah. Anak sulungnya baru sahaja tamat SPM dan masih menunggu peluang pekerjaan. Bagaimanakah Lembaga Zakat Selangor mengira “had kifayah” Encik Siraj? Adakah Encik Siraj seorang asnaf miskin? Mari kita kita kira had kifayah Encik Siraj. Ada beberapa perkara yang akan disenaraikan dalam ukuran had kifayah. based on several items and number of persons. Berikut adalah jadual mengira had kifayah Encik Siraj.

Bil	Perkara	Kadar Had Kifayah (RM)	Bilangan orang	Jumlah (RM)
1	Ketua Keluarga –Encik Siraj	1,078.00	1	1,078.00
2	Isteri – Puan Suriani	181.00	1	181.00
3	Anak dewasa tidak bekerja	181.00	1	181.00
4	Anak (berumur 7-17)	334.00	2	668.00
5	Anak (berumur 6 dan ke bawah)	145.00	2	290.00
	Tambahan			
	Anak - orang kurang upaya	224.00	NA	NA
	Anak – upah jagaan	290.00	NA	NA
	Kos perubatan sakit kronik	222.00	NA	NA
	JUMLAH			2,398.00

*Sumber:* Lembaga Zakat Selangor.

<https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/kadar-had-kifayah/>

Encik Siraj berpendapatan RM1,200 sebulan manakala tanggungannya adalah RM2,398.00 berdasarkan kiraan *had kifayah*.

Encik Siraj kekurangan RM1,198.00 untuk menanggung diri dan keluarganya. Maka, Encik Siraj dikategorikan sebagai asnaf miskin. Maka, Encik Siraj layak mendapat zakat asnaf miskin.

**Ketua Projek:** Haji Abdul Rahman Dahlan, Pensyarah Kuliah Sains dan Teknologi Maklumat (KICT), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Gombak

### **Organisasi peneraju projek**

- 1) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak

<i>Nama Organisasi</i>	<i>Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)</i>
<i>Jenis</i>	<i>Universiti Awam</i>
<i>No. Telefon</i>	<i>+603 6421 5002/5010</i>
<i>No. Faks</i>	<i>+603 6421 4862</i>
<i>Alamat</i>	<i>P.O. Box 10, 50728 Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia</i>

Secara kasarnya ada 15,000 pelajar di Kampus Induk UIAM Gombak. Sebilangan besarnya adalah pelajar dari Malaysia. Selebihnya dari lebih 90 buah Negara dari seluruh dunia. Kampus yang lain di Jalan Duta Kuala Lumpur, Kuantan, Gambang, dan Pagoh.

2) Masjid As-Syakirin Gombak

<i>Nama Organisasi</i>	<i>Masjid As-Syakirin Gombak</i>
<i>Jenis</i>	<i>Masjid</i>
<i>No. Telefon</i>	<i>+603- 6178 4498</i>
<i>No. Faks</i>	<i>-</i>
<i>Alamat</i>	<i>Km 9 (batu 5 3/4) Jalan Gombak, ,53100 Kuala Lumpur, Selangor</i>

3) Masjid Zakaria Gombak Utara

<i>Nama Organisasi</i>	<i>Masjid Zakaria Gombak Utara</i>
<i>Jenis</i>	<i>Masjid</i>
<i>No. Telefon</i>	<i>+603 61851839</i>
<i>No. Faks</i>	<i>-</i>
<i>Alamat</i>	<i>Batu 8 1/2, Jalan Gombak, Gombak, 53100 Kuala Lumpur, Selangor</i>

**Kategori Projek:**

Pendidikan - Pendidikan Berteraskan Pengalaman Kendiri (*Personalised Experiential Learning*)

**Agenda Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) Berkaitan**

- a) SDG 1: Hapus Kemiskinan
- b) SDG 2: Sifar Kebuluran
- c) SDG 4: Kualiti Kerja dan Pembangunan Ekonomi
- d) SDG 8: Kualiti Pendidikan
- e) SDG 12: Penggunaan dan Produksi Berhemah

## **BAB KETIGA**

### **RINGKASAN PROJEK**

Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan yang pada November 2020, kadar pengangguran adalah 4.8%. Dalam laporan UNICEF bertajuk “Families on The Edge” (Oktober 2020), ia menghebahkan yang wabak Covid-19 telah menarik banyak keluarga miskin di bandar Malaysia ke dalam kemiskinan. Kesemua keluarga ini memerlukan bantuan serta peluang pekerjaan.

Oleh disebabkan itu, projek mKitchen ini menawar usaha untuk mentransformasikan dapur-dapur masjid (mosque kitchens or m-Kitchens) sebagai potensi sumber (a) peluang pekerjaan, pemerkasaan dan keusahawanan (3E) untuk golongan B40 dalam industri makanan dan perniagaan penghantaran makanan (SDG1, SDG4 dan SDG8), (b) sup amal (soup kitchen) dan makanan percuma untuk komuniti B40 (SDG2) yang disediakan oleh tukang masak B40, dan (c) penghasilan pendapatan untuk masjid melalui sewaan kemudahan-kemudahan dapur sebagai sumber kelestarian projek m-Kitchen (SDG12).

Program bagi menambah dan membaiki kemahiran akan dijalankan untuk kumpulan B40 yang berminat dalam program 3E. Kumpulan B40 ini seharusnya dilatih menggunakan platform digital/aplikasi bagi promosi mKitchen, pendanaan awam (crowdfunding) dan pesanan & penghantaran makanan.

Mereka juga sepatutnya dilatih menggunakan model bisnes fleksibel dalam menjana aliran wang dan keuntungan serta kerugian jika ada.

### **Penerangan Projek**

(1) Merujuk kepada laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (2021), kadar pengangguran Malaysia pada bulan Januari 2021 telah meningkat kepada 4.9%, berbanding sebanyak 4.8% di bulan November 2020. Dengan kata lain, ia bermaksud terdapat sejumlah 783 ribu bilangan pekerja yang kehilangan sumber pendapatan kerana bahana Covid-19 yang telah menutup aktiviti-aktiviti ekonomi negara. Kedua-dua kadar ini adalah lebih tinggi daripada kadar pengangguran sebelum kedatangan wabak Covid-19 iaitu hanya sebanyak 3.3% (Februari 2020). Juga, dalam laporan UNICEF bertajuk “Families on The Edge” (Oktober 2020) pula, ia menyatakan yang bencana Covid-19 ini telah menarik ramai isi rumah di Malaysia yang berpendapatan rendah ke dalam kemiskinan. Kadar kemiskinan dalam masyarakat ini adalah lebih tinggi daripada tahun lalu, dengan bertambahnya isi-isi rumah yang hidup dalam kemiskinan tegar. Bahkan, 7 daripada 10 isi rumah melaporkan yang wabak Covid-19 ini telah menghalang mereka untuk mendapatkan wang perbelanjaan untuk keperluan diri. Para keluarga ini memerlukan bantuan disebabkan ketidakmampuan mereka meneruskan pekerjaan atau mana-mana aktiviti ekonomi, dengan banyak dalam kalangan mereka memerlukan wang tunai, bantuan sewaan dan pekerjaan.

(2) Projek mKitchen menawarkan usaha mentransformasikan dapur masjid (*mosque kitchen atau m-Kitchen*) sebagai potensi sumber (a) peluang pekerjaan, pemerkasaan dan keusahawanan (3E) untuk golongan B40 dalam industri makanan dan perniagaan penghantaran makanan, (b) sup amal (*soup*

*kitchen)* dan makanan percuma untuk komuniti B40 yang disediakan oleh tukang masak B40, dan (c) penghasilan pendapatan untuk masjid melalui sewaan kemudahan-kemudahan dapur sebagai sumber kelestarian projek m-Kitchen.

(3) Program bagi menambah dan membaiki kemahiran akan dijalankan untuk kumpulan B40 yang berminat dalam program 3E. Kumpulan B40 ini seharusnya dilatih menggunakan platform digital/aplikasi bagi promosi mKitchen, pendanaan awam (*crowdfunding*) dan pesanan makanan & penghantaran.

Mereka juga sepatutnya dilatih menggunakan model bisnes fleksibel dalam menjana aliran wang dan keuntungan serta kerugian jika ada.

(4) Aktiviti mKitchen yang diinstitusikan melalui pembelajaran berterusan kendiri dalam kalangan peserta seperti pembelajaran berkumpulan dan bimbingan khusus.

(5) Kumpulan civil yang sedar dan berkomited untuk terus menyediakan wakaf masa dan usaha pendanaan, seperti sedekah dan infak.

(6) Pengalaman belajar berdasarkan aktiviti amali seperti TVET (*Technical and Vocational Education and Training*).

## **Lokasi Projek - Poskod, Bandar dan Negeri**

- 1) Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), P.O.  
Box 10, , Jalan Gombak, 50728, WP Kuala Lumpur, Malaysia.
- 2) Masjid As-Syakirin Gombak, Km 9 (batu 5 3/4) Jalan Gombak, 53100, Kuala Lumpur.
- 3) Masjid Zakaria Gombak Utara, Batu 8 1/2, Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur.

## **Risiko Projek**

- a. Mendapatkan masjid yang mempunyai komiti dan komuniti B40 yang penuh komited dalam mentransformasikan golongan B40 daripada “penerima zakat kepada pemberi zakat” melalui inisiatif seperti projek m-Kitchen.
- b. Mengubah minda lama golongan B40 dan komiti masjid serta komuniti.
- c. Mengubah minda usahawan, menambah dan menaik taraf kemahiran golongan B40 yang diserap dalam kru mKitchen selepas program 3E.
- d. Mendokong komuniti

## **Metodologi Projek**

- 1) Pilih masjid yang aktif - (a) Bentuk komiti antara UIAM-masjid; (b) Kenal pasti, senarai pendek, mengajak dan wujudkan kru daripada golongan B40 dengan kemahiran asas memasak yang berpengalaman.
- 2) Formulasikan menu yang tepat untuk (a) sup amal (soup kitchen), dan (b) jualan makanan. Sediakan barang dapur untuk m-Kitchen melalui konsep derma dan diskauan daripada pembekal.

- 3) Menaik taraf dan menyediakan asas kemudahan dan peralatan penyediaan makanan.
- 4) Mewujudkan kesedaran awam tentang mKitchen; mendapatkan komuniti sukarelawan (wakaf masa) dan derma.
- 5) Meraih penajaan daripada syarikat dan agensi kerajaan.
- 6) Mengendalikan program 3E untuk penggajian pekerja dan pemerkasaan golongan kru B40 mKitchen sebagai usahawan makanan – contohnya seperti usahawan digital, pengurusan makanan, mentoring dan tunjuk ajar daripada tukang masak terlatih, asas perakaunan dan pemodelan kewangan.
- 7) Mengawal selia dan mengukur prestasi bulanan dan suku tahunan pendapatan.

### **Kolaborator**

Komuniti: (i) Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, UIAM (SHAS), (ii) Masjid As-Syakirin Gombak (MASG) dan (iii) Masjid Zakaria Gombak Utara (MGU)

Rakan Kongsi Teknologi : iReka Soft Sdn Bhd

Persendirian : Pemilik & tukang masak restoran

### **Kumpulan Sasar**

- 1) B40/Asnaf daripada Masjid as-Syakirin Gombak (MASG)
- 2) Pelajar B40/Asnaf Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, UIAM (SHAS)
- 3) B40/Asnaf daripada Masjid Zakaria Gombak Utara (MGU)

## **BAB KEEMPAT**

### **PENANDA PERKEMBANGAN PROJEK**

Secara umumnya, projek ini melalui beberapa penanda perkembangan (milestone).

- a) Mewujudkan kerjasama
- b) Menambah kemahiran kru B40 mKitchen /kru sukarelawan, menaik taraf kemudahan dan mendapatkan peralatan baru
- c) Penyesuaian portal & aplikasi
- d) Operasi mKitchen Fasa 1
- e) Menaik Taraf Operasi mKitchen Fasa 2
- f) Menaik Taraf Operasi mKitchen Fasa 3
- g) Menaik Taraf Operasi mKitchen Fasa 3
- h) Dokumentasi
- i) Kajian Impak

Setiap penanda perkembangan disertakan aktiviti, hasil dan jangkaan tempoh berserta pecahan kos. Jadual 2 meringkaskan setiap penanda perkembangan disertakan aktiviti, hasil dan jangkaan tempoh berserta pecahan kos.

Jadual 2: Penanda Perkembangan Projek (*Project Milestone*)

Penanda Perkembangan Projek	Aktiviti	Deliverable/Output	Tarikh aan	Tempoh Penyempurnaan(Hari/Min)	Pecahan Kos ggu/Bulan)
1. Mewujudkan kerjasama	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mewujudkan kerjasama dengan sekurang-kurangnya 2 buah masjid</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan SST Penerima Manfaat</li> </ul>	Mac – Jul 2021	5 bulan	0
2. Menambah kemahiran kru B40 mKitchen /kru sukarelawan, menaik taraf kemudahan dan mendapatkan peralatan baru	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Menambah kemahiran kru B40 mKitchen /kru sukarelawan</li> <li>● Menaik taraf kemudahan dan mendapatkan peralatan baru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menambah kemahiran kru B40 mKitchen /kru sukarelawan</li> <li>● Mewujudkan SOP &amp; menu dan mendapatkan makanan peralatan baru</li> <li>● Menaik taraf kemudahan mKitchen seperti penghawa dingin dan mendapatkan peralatan baru seperti ketuhar, dapur serbaguna dan Western</li> </ul>	1/8/21 – 30/9/21	2 bulan	RM60K
3. Penyesuaian portal & aplikasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Pemeriksaan sistem, penyesuaian dan ujian</li> </ul>	Menambah baik portal dan aplikasi	1/7/21 – 31/8/21	2 bulan	RM10K

4a Operasi mKitchen Fasa 1	● Sup amal untuk B40	● 300 makana percuma kepada B40	Okt. 2021	1 bulan	300 B40 X RM6 X 30 hari = RM54k
	● Jualan makanan awam	● Jualan makanan awam			
	● Kelompok pertama 3E (Employment, Empowerment & Entrepreneurship)	● Kelompok pertama 32 B40 (12 – MASG & 20 - SHAS)			
	kepada kru B40				
	mKitchen				

4b Menaik Taraf Operasi mKitchen Fasa 2	● Sup amal (soup kitchen) untuk B40	● 300 makana percuma kepada B40	Nov. 21	1 bulan	300x6x 30 hari = RM54k
	● Jualan makanan awam	● Jualan makanan awam			
	● Kelompok ke-2 3E	● Kelompok ke-2 32 usahawan makanan B40 (12 – MASG & 20 - SHAS)			

4c Menaik Taraf Operasi mKitchen Fasa 3	● Sup amal (soup kitchen) untuk B40	● 300 makana percuma kepada B40	Dis. 2021	1 bulan	300x6x 30 hari = RM54k
	● Jualan makanan awam	● Jualan makanan awam			
	● Kelompok ke-3 3E	● Kelompok ke-3 32 usahawan makanan B40 (12 – MASG & 20 - SHAS)			

4d Menaik Taraf Operasi mKitchen Fasa 3	● Sup amal (soup kitchen) untuk B40	● 300 makana percuma kepada B40	Jan. 2021	1 bulan	300x6x 30 hari = RM54k
	● Jualan makanan awam	● Jualan makanan awam			

---

	● Kelompok ke-4 3E	● Kelompok ke-4 32 usahawan makanan B40 (12 – MASG & 20 - SHAS)	
5. Dokumentasi	● Video & Dokumentasi	● Video & Dokumentasi	Ogo 21 – 8 bulan RM2k
6. Kajian Impak	● Meny lengg Laporan Kajian ara kajian Impak – Berimpak Survey, FGD, temu bual		Mac 22 Sept 21 – Jul 11 bulan RM5k 22

---

**RM293k**

---

## BAB KELIMA

### KOS PERBELANJAAN PROJEK

Projek ini turut membuat unjuran kos perbelanjaan. Jadual 3 menunjukkan kos perbelanjaan.

Jadual 3: Kos Perbelanjaan

NO.	Harga (RM)	Kuantiti	Hari	Jumlah / sebulan	Jumlah / Setahun (RM)	ROI/Setahun dan Info Tambahan
1)	<b>Item: Tajaan Pek Makanan</b>					
	5	300	15	22,500	270,000	1. Nilai harga pasaran sebungkus ialah RM8 2. Nilai tambahan ialah RM162,000 (RM3 x 300 x 15 x 12) 3. Asnaf akan jimat sebanyak RM432,000 (RM8 x 300 x 15 x 12)
2)	<b>Item: Latihan Penyeliaan Makanan (4 Kumpulan x Setahun)</b>					
	50	40	-	-	2,000	-
3)	<b>Item: Suntikan Typhoid (4 Kumpulan x Setahun)</b>					
	100	40*			4,000	*Kuantiti termasuk kesemua lokasi dari masjid MASG, SHAS dan MGU
4)	<b>Item: Latihan oleh UIAM (Berkonsepkan Ta'awun)</b>					
	10,000	4	-	-	40000*	*(foc) 1. Menghasilkan 30 asnafpreneurs yang boleh mencipta peluang pekerjaan untuk asnaf lain 2. Setiap asnafpreneurs akan mengambil 2 orang pekerja dengan bayaran RM1000 sebulan berjumlah RM720,000 setahun (30 asnaf x 2 pekerja x RM1000 x 12 bulan)
	<b>JUMLAH</b>			<b>316,00</b>		

			<b>0</b>	
<b>NO.</b>	<b>TAMBAHAN ITEM</b>			
<b>1)</b>	<b>Item: Kos aplikasi pesanan dan penghantaran (bagi Masjid Selangor)</b>			
	-	-	-	100,00 0
<b>2)</b>	<b>Item: Kos naik taraf dapur (<i>one off</i>)</b>			
	-	-	-	40,000
	<b>JUMLAH</b>			<b>456,00 0</b>

## **BAB KEENAM**

### **JANGKAAN SASARAN *HASIL (OUTPUT)* DAN KEBERHASILAN (*OUTCOME*)**

Secara umumnya hasil projek ini ada tiga:

Pertama, projek ini berhasil menyediakan pekerjaan, memerkasakan dan membentuk keusahawanan (3E) kepada 40 kumpulan B40 dalam perniagaan makanan dan penghantaran makanan

Kedua, menyediakan makanan harian percuma kepada 300 golongan B40, yang dilatih oleh tukang masak B40.

Ketiga, menambah ruang pilihan masjid untuk menghasilkan pendapatan kendiri, seperti melalui sewaan kemudahan dapur memasak.

Secara inovasinya pula ada beberapa hasil:

Pertama, menggubal satu inovasi dalam bentuk Kerangka Penambah dan Pemulih Baik Kemahiran yang menggabungkan 3 modul utama yang menyentuh berkenaan minda keusahawanan digital & Platform Pelbagai Sisi (MSP) dalam kalangan B40. Tiga modul utama tersebut ialah:

- a. Keusahawanan digital & minda MSP;
- b. Penyeliaan makanan, memasak dan latihan daripada tukang masak berpengalaman;

- c. Asas keusahawanan dengan model perniagaan, perancangan perniagaan & model kewangan, pengurusan wang tunai dan aplikasi digital.

Kedua, menggubal satu inovasi dalam bentuk sebuah Model Perniagaan MSP generik bagi masjid atau Pusat Komuniti yang mempunyai potensi melahirkan nilai tinggi hasil daripada wacana kesan rangkaian berantai (*platform network effects* atau NFX).

Ketiga, menghasilkan satu inovasi sebuah Model Kewangan Ubah Suai yang generik. Jadual 4 merumuskan jangkaan sasaran hasil dan keberhasilan.

Jadual 4: Jangkaan Sasaran Hasil dan Keberhasilan

<b>Hasil Projek (Kuantiti/ Kualiti/ Masa/ Kos)</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Penyediaan pekerjaan, pemerksaan dan keusahawanan (3E) kepada 40 kumpulan B40 dalam perniagaan makanan dan penghantaran makanan</li> <li>2) Menyediakan makanan harian percuma kepada 300 golongan B40, yang dilatih oleh tukang masak B40, dan</li> <li>3) Menambah ruang pilihan masjid untuk menghasilkan pendapatan kendiri, e.g. melalui sewaan kemudahan dapur memasak.</li> </ol>
<b>Inovasi Teknologi / Produk</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebuah Kerangka Penambah dan Pemulih Baik Kemahiran yang menggabungkan 3 modul utama yang menyentuh berkenaan minda keusahawanan digital &amp; Platform Pelbagai Sisi (MSP) dalam kalangan B40. Tiga modul utama tersebut ialah: <ol style="list-style-type: none"> <li>d. Keusahawanan digital &amp; minda MSP;</li> <li>e. Penyeliaan makanan, memasak dan latihan daripada tukang masak berpengalaman;</li> <li>f. Asas keusahawanan dengan model perniagaan, perancangan perniagaan &amp; model kewangan, pengurusan wang tunai dan aplikasi digital.</li> </ol> </li> <li>2. Sebuah Model Perniagaan MSP generik bagi masjid atau Pusat Komuniti yang mempunyai potensi melahirkan nilai tinggi hasil daripada wacana kesan rangkaian berantai (<i>platform network effects</i> atau NFX)</li> <li>3. Sebuah Model Kewangan Ubah Suai yang generik</li> </ol>

## BAB KETUJUH

### HASIL RINTIS PROJEK

Projek ini sudah melaksakan beberapa projek rintis dan pasca rintis sepanjang 9 bulan bersandarkan sokongan dan bantuan terhad.

Gambar-Gambar Projek Sebelum Ini dan Sedang Berlangsung

#### ***I. Projek Rintis Pertama di Masjid Al-Syakirin Gombak (MASG)***



Projek rintis ini mendapat bantuan kewangan dan sokongan moral dari Ahli Parlimen Gombak, Ahli Dewan Undangan Negeri Gombak Setia, Orang Besar Daerah Gombak, Pegawai Daerah Gombak, Yang Dipertua Majlis Perbandaran

Selayang, Pegawai Kesihatan Daerah Gombak, Penghulu Mukim Setapak dan Ketua-Ketua Kampung bawah pentadbiran Penghulu Mukim Setapak.



Tuan Yang Terutama Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, YBhg. Profesor Emeritus Kolonel (Kehormat) Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Dato' Abdul Razak, turut memberikan bantuan secara langsung untuk projek rintis. Pihak media dari TV Alhijrah turut menyiarangkan pelaksanaan projek rintis.



Sebelum mencapai tahap kerjasama (ta'awun) ini, para sukarelawan dan krew dapur sudah melalui proses bina kumpulan melalui projek kebajikan sebelum ini di Masjid Al-Syakirin Gombak.



Al-Fadhil Ustaz Dr Ghazali Jaapar merupakan teraju utama projek ini. Beliau bukan sahaja pakar dalam perundangan Islam sebagai tenaga pengajar penting di Ahmad Ibrahim Kulliyyah of Laws UIAM.



Beberapa teraju mKitchen yang diketuai Tuan Haji Abdul Rahman bin Ahmad Dahlan bersama Prof Dr Rahmah H Ahmad Osman , Prof Dr Dzuljasti, dan Dr Suhaimi Mhd Sarif.



Para asnaf disusun bagi memudahkan proses pengagihan bungkusan makanan pada projek rintis pertama.



Majlis perasmian mKitchen yang disempurnakan secara bersama YB Ahli Dewan Undangan Negeri Gombak Setia, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, YBhg. Profesor Emeritus Kolonel (Kehormat) Tan Sri Dato' Dzulkifli bin Dato' Abdul Razak, Penghulu Mukim Setapak dan Ketua-Ketua Kampung bawah pentadbiran Penghulu Mukim Setapak. Turut hadir pegawai-pegawai kanan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

**II. Projek Rintis KEDUA di Masjid Al-Syakirin Gombak (MASG)**





### **III.Keunikan untuk Projek Rintis KEDUA di Masjid Al-Syakirin Gombak (MASG)**

### **IV.Kursus Pemasaran Digital**





V.

VI.

VII.

VIII.

IX.

X.

**XI.PASCA RINTIS. Makanan Percuma Hari Raya Aidil Adha bagi Pelajar UIAM dan**

**Kariah MASG**



*Makanan percuma Hari Raya Aidil Adha (bagi pelajar UIAM)*



***Makanan percuma Hari Raya Aidil Adha (bagi kariah MASG)***

XII.

### XIII. Latihan Keusahawanan Digital kepada Pelajar UIAM

The screenshot shows a Microsoft Teams meeting interface. At the top left, it says "Jamal Ibrahim is presenting". On the right, there's a grid of participant profiles. In the center, a slide titled "3E (Employment, Empowerment & Entrepreneurship) Up-skilling Programme: 23 – 25 August 2021" displays a schedule of modules and their details. The schedule includes:

Module	Date / Time	Mode
1 Entrepreneurial Mind-set and Business Model	23/8: 10am – Jamal	Lecture
2 Building an Initial Business Model • Design Thinking, Business Modelling & Tools Develop Initial Biz Model – EM, BMC, VPC Presentation of Initial Biz Model	11am – ARAD 12 noon - 4 hrs 4.00 pm	Lecture
3 Validate & Test the Initial Business Model Develop Validated Business Model Presentation of Validated Biz Model	24/8: 9am - 3 hrs 1 hr 2.30pm - 2 hrs	Workshop Presentation
4 Building the Business Plan • Business planning & Financial modelling Develop Business Plan Presentation of Business Plan	25/8: 10am – Jamal 11am - 4 hrs 3pm - 2 hrs	Lecture
5 Digital Marketing & Apps	Day 4: 4 hrs Dr Nurhafizah/Noor Azian	Lecture & Workshop
6 Cash Management	Day 5: 4 hrs Dr Dzuljastri	Lecture & Workshop

At the bottom left, it says "10:05 AM | kdq-bcyd-ymw".


*Latihan Keusahawanan Digital kepada Pelajar UIAM kumpulan pertama (1)*

The screenshot shows a Microsoft Teams meeting interface. At the top left, it says "ABDUL RAHMAN BIN AHMAD DAHLAN is presenting". On the right, there's a grid of participant profiles. In the center, a slide titled "Design Thinking (DT)" displays a flowchart of the 5 phases of Design Thinking:

- 1 Empathize**: Develop a deep understanding of the challenge.
- 2 Define**: Clearly articulate the problem you want to solve.
- 3 Ideate**: Brainstorm potential solutions; select and develop your solution.
- 4 Prototype**: Design a prototype (or series of prototypes) to test all or part of your solution.
- 5 Test**: Engage in a continuous short-cycle innovation process to continually improve your design.


The slide also includes labels "PROBLEM DOMAIN" and "SOLUTION DOMAIN" with arrows indicating the flow between them. At the bottom left, it says "11:15 AM | kdq-bcyd-ymw".

*Latihan Keusahawanan Digital kepada Pelajar UIAM kumpulan pertama (2)*



### ***Latihan Keusahawanan Digital kepada Pelajar UIAM kumpulan pertama (3)***

#### XIV.USAHA-USAHA Mencari Kolaborasi dan Penyumbang Dana



*Sesi pembentangan bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP)*



## SESI PRA PENILAIAN PROGRAM MALAYSIA SOCIAL INNOVATION (MySI) 2021

### Mosque Kitchen (mKitchen)

1

#### *Sesi pembentangan bersama Yayasan Inovasi Malaysia (1)*



#### *Sesi pembentangan bersama Yayasan Inovasi Malaysia (2)*



***Sesi pembentangan bersama FAMA untuk bekalan makanan mentah***



***Sesi pembentangan bersama Ladangku Gombak untuk bekalan ayam mentah***


## Basic-ally, What is Orderla.my



Low-cost yet effective web-based ordering platform by utilizing WhatsApp as communication and notification tool.



*Sesi pembentangan bersama iReka Software Sdn Bhd untuk tempahan aplikasi penghantaran makanan (1)*



*Sesi pembentangan bersama iReka Software Sdn Bhd untuk tempahan aplikasi penghantaran makanan (2)*

XV. Perkongsian Ilmu dan Pengalaman dengan Institusi Setempat dan Antarabangsa

**2<sup>nd</sup> KEDAH 2021  
INTERNATIONAL ZAKAT CONFERENCE (i-KEIZAC)**

16-18 August 2021,  
Online

**COOPERATIVE BEHAVIOR (TA'AWUN)  
BETWEEN MOSQUES AND CIVIC  
ORGANIZATIONS IN EMPOWERING  
ASNAFPRENEURS THROUGH IIUM  
M-KITCHEN® PROJECT**


Suhaimi Mhd Sarif [albanjari@gmail.com](mailto:albanjari@gmail.com)  
Yusof Ismail  
Abdul Rahman Ahmad Dahlan  
Jamaludin Ibrahim  
Rahmah Ahmad H. Osman  
Ghazali Jaapar  
Saupi Man  
Dzuljastri Abdul Razak

Noor Azian Mohd Ali  
Noor Azizah Mohamad Ali  
Nurhafizah Mahri  
Normaziah Abdul Aziz  
Amelia Ritahani Ismail  
Andi Fitriah Abdul Kadir  
Hafizah Mansor  
Rizal Mohd Nor  
Dolhadi Zainudin

**LEADING THE WAY**  
KHALIFAH - AMANAH - IQRA - RAHMATAN LIL-ĀLAMIN

AN INTERNATIONAL AWARD-WINNING INSTITUTION FOR SUSTAINABILITY

*Pembentangan dalam Konferens '2nd Kedah International Zakat Conference 2021 (i-KEIZAC 2021)' (1)*



## Pembentangan dalam Konferens ‘2nd Kedah International Zakat Conference 2021 (i-KEIZAC 2021)’ (2)



## Perkongsian bersama Nadi Al-Iqtisad Islamiy, Kuwait



*Perkongsian dalam Konferens Seminar Inovasi Masjid di Era Pandemik 2021*

*(SIMPan21) anjuran UTM*



## PENGABDIAN MASYARAKAT

*“Sustainable Models for  
Micro-entrepreneurship: Issues & Challenges.”*



Dr. Muhammad Yafiz.M.Ag  
Dekan FEBI UIN SU



Hendra Hermain  
Dosen FEBI UIN SU



Hj. Abd Rahman Dahlan  
Pimpinan mKitchen International Islamic University Malaysia



Assoc Prof Dr Gairuzazmi  
Mat Ghani  
Dekan KEMNS IJUM



Sulaiman  
Pimpinan Cabang Dompet Dhuafa  
Sumatera Utara

Kamis, 12 Agustus 2021  
Pukul 10.00 - selesai




Infaq melalui  
Lembaga Amil Zakat  
Dompet Dhuafa Waspada

Konfirmasi Pendaftaran  
**082370254900**

*Perkongsian bersama Universitas Islam Negeri Medan, Indonesia*



*Perkongsian dalam Educational Leaders Without Borders (ELWB) 2021 di peringkat antarabangsa*



*Perkongsian bersama Masjid Gwal Laga, Central Mosque, Bauchi, Nigeria*

## **Penutup**

Pihak daripada mKitchen amat berharap agar semua pihak dapat menyalurkan dana sokongan kepada projek mKitchen demi kelangsungan dan kelestarian kehidupan B40. Semoga hasrat ini dalam mendokong golongan asnaf dan melatih mereka daripada menjadi golongan penerima bantuan kepada pemberi bantuan di masa depan dapat direalisasikan dengan baik.

## **RUJUKAN**

- Ahmad Dahlan, A., Alias, M., Mohamad Ali, N., Mahri, N., Ismail, A., Abdul Kadir, A., Mansor, H., Mhd. Sarif, S, ...Jamaludin Ibrahim. (2021). *A Journey of Ta'awun (Cooperative Behaviour) in Edu-Action at IIUM Mkitchen® and Masjid al-Syakirin Gombak (MASG)*. Meso Publishing, Gombak.
- Ali, A. (1992). *Malaysia's industrialization: The quest for technology*. Oxford University Press.
- Drabble, J. (2000). *An economic history of Malaysia, c. 1800-1990: The transition to modern economic growth*. Springer.
- Gomez, E. T. (2003). *Political business in Malaysia: party factionalism, corporate development, and economic crisis* (pp. 98-130). Routledge.
- Jomo, K. S. (1990). Whither Malaysia's new economic policy?. *Pacific Affairs*, 469-499.
- Lembaga Zakat Selangor. (2021). Kadar Had Kifayah.*  
<https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/kadar-had-kifayah>
- Ministry of Finance Malaysia (2021). Ucapan Bajet 2021.  
<http://belanjawan2021.treasury.gov.my/pdf/bajet/ucapan/ub21.pdf>
- Rasiah, R. (1995). Foreign capital and industrialization in Malaysia. Springer.
- Samad, P. (1998). *Tun Abdul Razak: A Phenomenon in Malaysian Politics*. Kuala Lumpur, Affluent Masters.
- Spinanger, D. (1984). Objectives and impact of economic activity zones—Some evidence from Asia. *Weltwirtschaftliches Archiv*, 120(1), 64-89.
- United Nations. (2015). *Sustainable Development Goals*. New York: United Nations

MARI DAPATKAN BUKU INI. Buku ini membentangkan naratif dan pengalaman rintis projek usaha sama dengan masyarakat melalui kerjasama pintar atau *ta'awun* melalui projek Mkitchen® UIAM. Rakan strategik projek ialah Masjid Al-Syakirin Gombak (MASG).

Projek ini dilaksanakan kerana pihak mKitchen berasa bertanggungjawab dalam menyahut hasrat kerajaan dan badan Kesatuan Dunia (*United Nations*) dalam mengikuti misi Agenda Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) dan gagasan “Keluarga Malaysia” untuk para masyarakat sivil bangkit membantu golongan miskin dan tidak berupaya dalam menghapuskan kemiskinan dalam ummah, apatah lagi tatkala krisis wabak Covid-19 sedang hebat melanda negara ketika kini.

Projek ini akan menjual makanan kepada orang awam untuk mengumpulkan dana ke tabung infaq projek, merekrut golongan asnaf sebagai pekerja dalam aktiviti berkaitan memasak dalam projek tersebut sebagai peluang pekerjaan untuk mereka dan akhir sekali melatih para asnaf sebagai usahawan makanan di masa depan agar mereka mampu keluar daripada kekal menjadi golongan penerima bantuan kepada pemberi bantuan, selari dengan hasrat mana-mana badan zakat negeri iaitu ‘daripada penerima zakat kepada pemberi zakat’.

ISBN 978-967-19814-2-9



MKITCHEN: RAKAN  
TRANSFORMASI ASNAF.  
DARI PENERIMA ZAKAT  
KEPADА PEMBAYAR  
ZAKAT DAN PENGGERAK  
KELUARGA MALAYSIA